



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: HARIAN METRO
TARIKH	: 12/1/2019
JABATAN	: KATS / YBM / JPS / NAHRIM
KLASIFIKASI	: PERHATIAN

**Samadi Ahmad**  
cnews@nstp.com.my

**Sepang**

**K**erajaan akan berusaha menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering menjejaskan penduduk dan petani di Kampung Olak Lempit di sini, sejak kebelakangan ini. Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jakyumar berkata, pihaknya sudah mengenal pasti punca banjir kilat itu disebabkan limpahan air yang banyak ketika hujan lebat dan tidak dapat mengalir keluar ke Sungai Langat. Menurutnya, kawasan yang sering dilanda banjir kilat itu adalah kawasan rendah dan keutamaan untuk diatasi itu membabitkan kawasan rumah penduduk dan ladang tanaman konlari petani yang dijangka dapat diselesaikan dalam masa terdekat. Katanya, beliau akan mengarahkan Jabatan Pengiraan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Langat dan Institut Pe-

■ Kerajaan tangani masalah banjir di Kampung Olak Lempit

# KAJI KAEDAH PELEPASAN AIR

nyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRM) untuk bekerjasama mengkaji cara pengeluaran air yang cepat sekiranya hujan lebat di kawasan itu. "Kami juga menerima cadangan dari JPS untuk membina penyaliran pampam air di Sungai Kuala Langat untuk menarik air keluar yang melimpah dari kawasan yang terjejas banjir," katanya pada sidang media ketika mengadakan lawatan ke kawasan ini, semalam. Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil Adhif Syan Abdullah, Pegawai Daerah Kuala Langat Mohd Jusni Hashim dan Penolong Jurutera JPS Kuala Langat, Bohari Osman.



DR Xavier (tengah) melawat kawasan pertanian di Kampung Olak Lempit yang dilanda banjir kilat.

Pada 15 Disember tahun lalu, banjir kilat berlaku di kawasan itu selama empat hari sedalam 0.5 meter akibat perlonggangan pasir mengakibatkan tanaman di kawasan penduduk musnah.

tanaman konlari kerugian hampir RM120,000. Dr Xavier berkata, beliau juga akan mengarahkan JPS untuk meneliti kos peruntukan penyaliran pampam air berkenaan sebelum meluluskan peruntukan khas melalui kementerian. Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Langat berkata, pihaknya juga berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani turun tangan melihat keadaan banjir yang dialami petani terjejas. Menurutnya, petani juga perlu tahu keadaan tanah yang diusahakan mereka termasuk membina sistem perparitan sendiri kerana tanah itu bukan milik kerajaan serta mempunyai syarat tersendiri yang perlu dipatuhi. Dalam perkembangan lain, Dr Xavier memaklumkan projek dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri Selangor membabitkan penternakan lembu di kawasan itu akan diteruskan kerana ia sudah lama dituluskan bagi memindahkan penternak bandar ke kawasan luar bandar.